

CNS3868

R GB 14-09 00164 BA032

aab

MAHATHIR : KESATUAN SEKERJA BARAT BERPURA-PURA

Mahathir - Kesatuan

JITRA, 14 Sept (Bernama) -- Perclana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, ada kesatuan sekerja dari Eropah dan Amerika Syarikat yang berpura-pura hendak membela nasib pekerja di negara ini sedangkan mereka berniat buruk untuk merosakkan Malaysia.

Beliau mengingatkan kaum pekerja cii **negara** ini supaya berhati-hati dan jangan mudah percaya kepada hasutan golongan itu,

Katanya, ia sebenarnya satu taktik negara maju untuk menyekat kemajuan industri pengeluaran di Malaysia agar barangan yang dikeluarkan oleh negara ini tidak mampu bersaing dengan barangan keluaran mereka.

Ketika berucap merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO Bahagian Kubang Yasu cii sini hari ini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, negara barat terpaksa mengubah taktik dengan mempergunakan kesatuan sekerja kerana tidak dapat lagi menggunakan kuasa penjajahan.

+Kalau dulu dia tidak peceuli langsung sama ada pekerja kita dapat gaji baik atau tak baik, sekarang dia cukup sayang kepada pekerja-pekerja kita,+ katanya. -- Lagi

♥14/09/16-43MST

CNS3870

KGB 14-09 00132 BA038

aab

Mahathir - Kesatuan 2 Jitra

Menurutnya, kesatuan-kesatuan sekerja itu menghasut kesatuan-kesatuan sekerjadinegaraini kononnya pekerja di Malaysia teraniaya, mendapat gaji yang rendah, tidak mendapat kemudahan perubatan serta cuti bersalin dan pelbagai hasutan lain.

Merekajugamenghasut pekerja di negara ini supaya bertindak melancarkanmogoksekiranya tuntutan mereka tidak dipenuhi oleh majikan.

Malangnya, kata beliau, ada di kalangan pemimpin kesatuan sekerja di negarainiyangtermakan dengan hasutan seumpama itu sedang mereka tidak tahu bahawa niat kesatuan sekerjabarat ialah supaya berlaku kacau bilau di negara ini dan dengan itu harga barang akan naik.

Ekoran kemajuan dalam sektor pengeluaran di negara ini, Malaysia, dijangkamenjadipengeluar **televisyen** dan micra-chips terbesar di dunia tahun depan, tambah beliau. -- Bernama

♥14/09/16-45MST